

MAKNA KEROHANIAN DALAM PUISI *GITANJALI* OLEH RABINDRANATH TAGORE

Spiritual Meaning in Gitanjali Poetry by Rabindranath Tagore

Aqhari Isa

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia,
11800, USM, Pulau Pinang, Malaysia
aqhari94@gmail.com

Diterima: 10 Disember 2025; **Disemak semula:** 30 April 2025 **Diterima:** 25 Mei 2025; Diterbitkan: 10 Jun 2025

To cite this article (APA): Isa, A. (2025). Makna Kerohanian dalam puisi Gitanjali oleh Rabindranath Tagore. *Jurnal Peradaban Melayu*, 20(1), 19-29. <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol20.1.2.2025>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol20.1.2.2025>

ABSTRAK

Makalah ini memfokuskan unsur-unsur mistik yang terdapat dalam puisi *Gitanjali* oleh Rabindranath Tagore. Beliau merakamkan pengalaman kerohaniannya dalam puisi ini untuk bertemu dengan Tuhan. Pada asalnya, puisi ini ditulis dalam bahasa Bengali kemudian diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris dan Melayu. Makalah ini akan menggunakan teks *Gitanjali* versi bahasa Melayu yang diterjemahkan oleh A. Latiff Mohidin. Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk menganalisis hubungan kerohanian antara manusia dengan Tuhan. Perhubungan ini akan dirungkai menerusi sebuah teori yang mampu memberi tafsiran terhadap makna-makna kerohanian yang terdapat dalam puisi tersebut. Justeru makalah ini akan mengaplikasikan aliran hermeneutika atau teori interpretasi untuk menganalisis puisi *Gitanjali* dari sudut representasi makna. Dengan kata lain, teori ini merupakan suatu aliran falsafah yang boleh menafsir sesuatu naskhah berdasarkan penelitian dan uji kaji. Hasil daripada analisis kajian, didapati bahawa pengalaman kerohanian Tagore terbahagi kepada empat fasa (1) pencarian Tuhan, (2) pertemuan dengan Tuhan, (3) penyatuan dengan Tuhan dan (4) perpisahan dengan Tuhan. Diharapkan agar makalah ini dapat dijadikan panduan dan rujukan kepada para sarjana lain untuk meneliti makna kerohanian puisi ini dengan lebih mendalam lagi. Sehubungan dengan itu, kajian ini dapat menambah pengetahuan tentang pengaplikasian teori interpretasi terhadap karya sastra terutama puisi.

Kata Kunci: *Gitanjali*; hermeneutika; puisi; Rabindranath Tagore; Tuhan

ABSTRACT

This paper focuses on the mystical elements contained in the poem Gitanjali by Rabindranath Tagore. He recorded his spiritual experience in this poem to meet God. Originally, the poem was written in Bengali then it was translated into English and Malay. This paper will use the Malay version of the Gitanjali text translated by A. Latiff Mohidin. The main purpose of this study is to analyze the spiritual relationship between man and God. This relationship will be unraveled through a theory that is able to interpret the spiritual meanings contained in the poem. Thus, this paper will apply the school of hermeneutics or interpretation theory to analyze Gitanjali's poetry from the perspective of meaning representation. In other words, this theory is a school of philosophy that can interpret a manuscript based on research and experimentation. As a result of the analysis of the study, it was found that Tagore's spiritual experience was divided into four phases (1) search for God, (2) encounter with God, (3) union with God and (4) separation with God. It is hoped that this paper can be used as a guide and reference for other scholars to examine the spiritual meaning of this poem more deeply. In this regard, this study can increase knowledge about the application of interpretation theory to literary works, especially poetry.

Keywords: *Gitanjali*; hermeneutics; poetry; Rabindranath Tagore; God

PENGENALAN

Menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga (2000: 407), perkataan gita membawa maksud nyanyian atau lagu manakala perkataan anjali bermaksud panyajian. Maka dapat disimpulkan di sini bahawa perkataan “gitanjali” boleh didefinisikan sebagai panyajian lagu atau lagu yang dipanyajikan kepada Tuhan. Dalam konteks perbincangan makalah ini, “gitanjali” ialah sebuah puisi yang dihasilkan oleh seorang tokoh India bernama Rabindranath Tagore. Puisi *Gitanjali* ini pada asalnya wujud dalam pelbagai versi antaranya versi Bengali dan Inggeris. Versi Bengali diterbitkan pada tanggal 14 Ogos 1910 yang mengandungi sebanyak 157 buah rangkap manakala versi Inggeris diungkap semula dalam 103 buah rangkap dan diterbitkan pada bulan November 1913 oleh *Indian Society of London*. Pada tahun 1986, A. Latiff Mohidin menterjemahkan puisi ini ke dalam versi bahasa Melayu yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Ringkasnya, *Gitanjali* ialah sebuah puisi yang memerihalkan pandangan mistik terhadap dunia, alam dan kehidupan manusia dengan Tuhannya. Pernyataan ini diakui oleh Dian Rahmani Putri (2017: 108) yang mengatakan bahawa puisi *Gitanjali* merefleksikan paradigma dan sikap hidup orang Timur terhadap hidup dan kehidupannya, di samping rasa kerinduan terhadap Sang Pencipta Agung.

Puisi *Gitanjali* memberi penekanan terhadap idea Tagore mengenai Tuhan dan matlamat hidupnya untuk menyatukan diri dengan Sang Pencipta. Dengan kata lain, puisi ini menyelami hubungan kerohanian antara “I” atau “aku” yang tenggelam dalam Tuhan. Tuhan di sini ialah *my god...Him that is formless*. Tuhan yang dinyatakan dalam puisi *Gitanjali* ini ialah Tuhan yang tidak mempunyai rupa bentuk. Hal ini dikatakan demikian kerana Tagore sendiri dipengaruhi oleh tradisi asal agama Hindu iaitu Brahmanisme dan kitab *Upanishad* yang menonjolkan Tuhan melalui konsep “Nirguna Brahman.” Bahasa yang digunakan dalam puisi ini juga sangat puitis bahkan lirik-lirik yang terdapat dalam buku ini dipenuhi dengan kebenangan rentak irama, kelunakan warna yang tidak mungkin dapat diterjemahkan, di samping gubahan kata-kata yang bermatra menggambarkan pemikiran tentang suatu alam yang diimpikan sepanjang hidup (A. Latiff Mohidin, 1986: viii).

Berdasarkan pernyataan di atas, puisi *Gitanjali* dianggap sebagai sebuah karya agung kerana bait-bait puisinya mempunyai nilai estetika yang sangat tinggi di samping makna kerohanian yang sangat mendalam. Kehebatan puisi ini sudah semestinya datang daripada seorang penulis yang hebat iaitu Rabindranath Tagore atau lebih dikenali sebagai Tagore. Beliau dilahirkan di Ladang Jorasanka Utara Kolkata, India pada tanggal 7 Mei 1861 dan meninggal dunia pada 7 Ogos 1941 ketika berusia 80 tahun. Menurut Krishna Kripalani (1962: 1), *in 1861 when Tagore was born India lay prostrate at the feet of the British*. Tagore dikenali sebagai Gurudev kerana beliau merupakan seorang penyair, penulis drama, ahli falsafah, seniman, pemuzik, pelukis dan sasterawan berbangsa Bengali. Beliau merupakan orang Asia pertama yang berjaya memperoleh Hadiah Nobel dalam Kesusasteraan pada tahun 1913. Perkara ini disebut oleh Reeta Dutta Gupta (2015: 10-11), *in 1913 Tagore won the Nobel Prize for Literature for his exquisite collection of mystical hymns Gitanjali (Song Offerings)*.

Tagore berasal daripada keturunan Brahmin serta merupakan anak kepada Debendranath Tagore dengan Sarada Devi dan beliau merupakan anak bongsu daripada empat belas orang adik-beradik. Sewaktu kecil, Tagore tidak gemar belajar secara formal dan beliau lebih cenderung untuk meneroka serta merenung keindahan alam di ladang-ladang atau di taman-taman. Tagore berhasrat ingin menjadi seorang pengacara dan beliau mula mendaftarkan diri di sekolah umum di kota Brighton, England pada tahun 1878. Kemudian, beliau melanjutkan pelajarannya di Kolej Universiti London tetapi pulang ke Bengal tanpa memperoleh sebarang gelaran sarjana. Rentetan daripada itu, Tagore mula belajar menulis puisi dan mendalami bidang kesusasteraan dengan membaca karya-karya Shakespeare serta kisah hidup Anthony dan Cleopatra. Akhirnya, pada tanggal 9 Disember 1883 ayahnya telah menjodohkannya dengan seorang gadis bernama Mrinalini Devi. Hasil perkahwinan tersebut mereka dikurniakan lima orang cahaya mata namun empat daripadanya meninggal dunia sebelum sempat mencapai usia dewasa. Pada tahun-tahun berikutnya Tagore kehilangan ahli keluarganya lagi, dan nasibnya ini dinyatakan oleh Reeta Dutta Gupta (2015: 20) *in his own lifetime, Tagore lost his wife in 1902, his daughter Renuka in 1903, and his youngest son Shamindra in 1907, who died of cholera and for whom he felt a special affection*.

Tagore mendapat hadiah 8000 *poundsterling* dan semua wang itu digunakan untuk membina dan mengembangkan sekolahnya. Pada tahun 1901, Tagore telah membina *ashram* dan mengadakan perpustakaan serta bilik sembahyang di Santhi Niketan. Santhi Niketan menurut model *topohan* adalah sekolah dalam hutan yang berpandukan idealisme *Upanishad*. Objektif beliau membina sekolah dalam hutan atau belantara ini adalah untuk menyuburkan budaya spiritual, melahirkan pemimpin yang ada kualiti rohani melalui *communal living and creative learning*. Ghose, seorang guru di Santhi Niketan mengatakan bahawa puisi-puisi Tagore sangat luas, beragam, dan *bervolume* hingga melampaui skematisasi dan pengkategorian yang ada bahkan ingin menemukan sebuah pola yang belum pernah ada (Dian Rahmani Putri, 2016: 121). Keadaan ini menjadikan Tagore seorang yang berfikiran terbuka sehingga beliau menerima pelajar wanita Islam dan agama lain yang dijadikan subjek pembelajaran di Santhi Niketan. Berdasarkan latar belakang kehidupan Tagore, puisi *Gitanjali* ini sememangnya sebuah karya agung yang menceritakan pengalamannya sendiri untuk bertemu dengan Tuhan. Sebagai sebuah karya sastra, puisi *Gitanjali* sangat sarat dengan unsur-unsur mistik (kerohanian), sedangkan ia bukanlah sebuah kitab agama. Oleh itu, sejauh manakah, puisi ini mampu menyelami pengalaman kerohanian Tagore untuk bersatu dengan Tuhannya?

KAJIAN LITERATUR

Antara kajian terkini yang mengkaji puisi *Gitanjali* ialah kajian yang dilakukan oleh Rany Varghese (2020) bertajuk "*Rabindranath Tagore's Gitanjali: An Ecocritical Study*". Kajian ini meneliti hubungan antara manusia dengan alam tercermin dalam puisi *Gitanjali*. Hasil kajian ini mendapati bahawa terdapat dua imej yang digunakan dalam puisi ini (1) imejan tumbuhan dan (2) imejan air. Bablu Ray (2022) pula cuba mengkaji puisi *Gitanjali* ini dari sudut gaya penulisan yang digunakan oleh Tagore. Kajian beliau berjudul "*A Stylistic Analysis of Tagore's Gitanjali*" yang mendapati bahawa setiap peringkat analisis menggunakan gaya bahasa berbeza seperti aliterasi, asonansi, simile, personifikasi, penggunaan huruf besar yang menyumbang secara signifikan berkaitan ungkapan makna kerohanian ini. Berdasarkan tinjauan kajian-kajian lepas, didapati bahawa penelitian terhadap puisi *Gitanjali* ini banyak dilakukan dalam bahasa Inggeris bahkan kajian ilmiah yang menggunakan teks puisi ini untuk meneroka pengalaman kerohanian Tagore dalam versi bahasa Melayu (A. Latiff Mohidin) belum pernah dilakukan oleh mana-mana sarjana. Oleh itu, wajar untuk kajian ini dilakukan supaya ia dapat dijadikan rujukan oleh para sarjana lain khususnya sarjana kesusasteraan tempatan.

METODOLOGI KAJIAN

Kedah analisis tekstual digunakan dalam kajian ini untuk menganalisis teks puisi *Gitanjali* dari sudut representasi makna. Semua makna tersurat dan tersirat berkaitan perhubungan manusia dengan Tuhan akan ditafsir dan digunakan untuk memperlihatkan makna kerohanian dalam puisi ini. Dengan kata lain, teks puisi *Gitanjali* tertakluk kepada interpretasi interteks dan merangkumi ungkapan yang serupa kepada makna sastra dan tahap mistik yang ada di dalamnya.

Kajian ini menggunakan aliran hermeneutika iaitu suatu aliran falsafah yang boleh didefinisikan sebagai teori interpretasi atau pentafsiran sesuatu naskhah atau teks melalui penelitian dan uji kaji. Istilah *hermeneutics* berasal daripada tradisi Yunani klasik. Hermeneutik ada kaitan dengan tafsiran yang berasal daripada istilah *hermeneuion* yang bermaksud "untuk mentafsir". Dalam konteks aliran ini terdapat tiga deria yang digunakan, pertama untuk mentafsirkan puisi secara lisan, kedua menjelaskan, dan ketiga menterjemahkannya. Istilah *hermeneutics* ini berkait rapat dengan *hermeneutike mantike*, teknik pentafsiran oral, sedangkan penyair dirujuk sebagai *hermenes ton theon*, "*interpreters of the gods*" (A. Preminger, 1993: 516).

Menurut Palmer (1969: 3), hermeneutika mempunyai istilah iaitu, *hermeneutics has come to mean "the process" of bringing a thing or situation from unintelligibility to understanding*. Dalam konteks yang sama hermeneutika juga dikaitkan dengan perkara iaitu "mendedahkan yang tersembunyi". Oleh sebab itu, puisi

Gitanjali ini sesuai dilihat menerusi teori interpretasi kerana ia menampilkan pengalaman hidup pengarang dengan Tuhannya dalam tradisi agama Hindu. *In the Hindu traditions, the counterpart of hermeneutics is "brahmavidya", meaning "the supreme science"* (Lalita Sinha, 2008: 8-9). Isu asas utama adalah kemajuan tahap dari yang lebih rendah ke tahap pemahaman yang lebih tinggi mengenai ekspresi manusia terhadap puisi *Gitanjali*. *This means that through the interpretation of literary elements, the mystical and esoteric elements will be unveiled* (Lalita Sinha, 2008: 7). Prinsip yang tepat dinyatakan oleh Reza Shah-Kazemi berhubung dengan tulisan-tulisan Martin Lings, sangat relevan untuk menyatakan tujuan interpretasi ini.

...interpretation of the image furnishes us with a key for comprehending the works. His manner of treating this subject always carries the reader from the realm of forms to that of the Essence, from the particular to the Universal, and from the symbol to the Archetype.

(Lalita Sinha, 2008: 7)

Kenyataan di atas menerangkan betapa pentingnya teori interpretasi yang digunakan untuk mengkaji puisi *Gitanjali* kerana tafsiran imej ini memberi gambaran untuk memahami karya-karya berunsur mistik secara lebih mendalam. Hal ini disebabkan kerana Tagore ialah seorang penyair yang memuja kebesaran Tuhan melalui puisi yang merupakan sebuah persembahan kepada Ilahi (Dian Rahmani Putri, 2017: 107). Cara memperlakukan subjek yang ada dalam sebuah karya selalunya akan membawa pembaca daripada alam bentuk kepada intipati, daripada yang tertentu kepada sejagat, dan daripada simbol kepada asasnya. Tegasnya, bacaan teks berdasarkan prinsip ini membolehkan pengkaji membuat pelbagai tafsiran, prinsip-prinsip rohani esoterik atau dasar asas tradisi dari Brahmanisme dapat dilihat dalam puisi ini.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Secara umum, tema puisi *Gitanjali* ini berkisar tentang pengembaraan seorang manusia untuk bertemu dengan Tuhan yang diolah dalam susunan rangkap-rangkap yang sangat indah. Analisis ini akan dibahagikan kepada empat fasa, pertama pencarian Tuhan, kedua penemuan dengan Tuhan, ketiga penyatuan dengan Tuhan dan keempat perpisahan dengan Tuhan. Maka kajian ini akan memperlihatkan analisis makna kerohanian dalam keempat-empat fasa tersebut dan diharapkan kajian ini menjadi satu hasil analisis yang boleh dijadikan panduan dan rujukan kepada para sarjana dalam bidang kesusasteraan.

Fasa 1: Pencarian Tuhan

Pengarang iaitu Tagore memulakan proses pencarian Tuhan dalam puisi ini dengan menampilkan nilai kesyukuran seorang manusia terhadap Tuhan. Perkataan "aku" yang digunakan dalam puisi ini merujuk kepada diri pengarang itu sendiri yang mula memuji-muji Tuhan. Puji-pujian ini diungkapkan dalam bentuk permohonan seorang hamba yang ingin mencari Tuhannya. Hal ini dapat dilihat apabila pengarang menceritakan dedikasinya melalui "aku" terhadap Tuhan yang menyentuh kehidupan manusia dalam pelbagai cara supaya manusia dapat memahami hakikat kehidupan. Bagi memahami hakikat ini, bentuk pujian pengarang terhadap Tuhannya dapat dilihat dalam bait-bait puisi di bawah.

*puji-pujianku
membuka sayapnya
bagai burung riang
terbang melewati lautan luas*

(A. Latiff Mohidin, 1986: 1-2)

Perjalanan manusia mencari Tuhan nyata dapat dilihat apabila pengarang memanjakan lagu untuk memuji-muji Tuhannya. Hal ini dikatakan demikian kerana "aku" dalam rangkap di atas mencerminkan pengembaraan hidup Tagore yang berusaha mencari Tuhannya. Misalnya, simbol alam digunakan oleh pengarang sebagai perlambangan untuk mengekspresikan makna kerohaniannya dengan memuji Tuhan. Puji-pujian manusia terhadap Tuhan dikiaskan menerusi kosa kata "membuka sayap" yang dapat ditafsirkan

sebagai kekuasaan Tuhan meliputi seluruh alam. Berdasarkan ilmu tafsiran atau hermeneutika, simbol “sayap” sebenarnya melambangkan “kuasa” manakala simbol “membuka” melambangkan “meliputi” atau “menyeluruh”. Dalam keadah hermeneutika, tafsiran ini melampaui bentuk-bentuk lahir dan lebih mengarah kepada realiti kerohanian teks yang dihayati (Md. Salleh Yaapar, 2002: 72). Oleh itu, simbol tersebut sebenarnya memaparkan perasaan rendah hati seorang hamba yang kagum dengan kekuasaan Tuhannya.

Pencarian Tuhan diteruskan oleh pengarang dengan penggunaan frasa “bagai burung terbang riang.” Frasa ini dapat dimanifestasikan sebagai segala isi alam dapat menikmati keindahan yang dianugerahi Tuhan. Contohnya, simbol “bagai burung” membawa maksud seluruh makhluk yang wujud di dalam dunia ini seperti manusia, haiwan, tumbuhan dan lain-lain manakala simbol “terbang riang” membawa konotasi nikmat yang Tuhan anugerahkan kepada seluruh makhluk ciptaannya. Makna ini dapat dirasai melalui frasa “terbang melewati lautan luas” yang melambangkan kekuasaan Tuhan tidak ada batasnya. Hal ini berbeza dengan pemahaman literal kerana pemahaman teks dalam rangkap di atas dapat dicapai hanya dengan pentafsiran simbolik. Menurut Md. Salleh Yaapar (2002: 72), tafsiran simbolik yang dilaksanakan oleh pentafsir dalaman (*esoteric exegete*) khasnya ke atas karya-karya yang bersifat kerohanian disebut sebagai *ta'wil*. Hakikatnya, simbol-simbol alam yang terdapat dalam rangkap di atas adalah untuk menggambarkan gelojak pengarang iaitu “aku” dalam memuji-muji kehebatan dan kekuasaan Tuhannya.

Bagi meneruskan perjalanan kerohanian ini, pengarang bermuhasabah diri dengan membuang segala sifat taasub yang tersemat dalam jiwa manusia. Hal ini dapat dilihat apabila pengarang mula mengkritik agama yang dilihatnya sebagai satu kemewahan menerusi lagu-lagu yang dipanjatkan kepada Tuhannya. Menurut pengarang, setiap manusia perlu berpada-pada ketika menjalani urusan agama. Dengan kata lain, jangan kamu melampau-lampau sehinggakan kamu mengabaikan urusan dunia sebaliknya kamu perlu bersederhana ketika menjalani sesuatu ibadat. Kritikan pengarang dalam puisi ini menekankan bahawa sifat taasub iaitu melampau-lampau dalam beragama tidak baik dan diharap dapat menjadi pengajaran kepada khalayak pembaca. Hal ini boleh dihayati dalam bait-bait rangkap di bawah:

*di mana petani membajak
tanah yang keras
di mana pembuat jalan
memukul batu
di situlah dia
bersama orang-orang ini
dia berpanas berhujan
pakaianya dilumuri debu
tanggalkan pakaian sucimu
dan turunlah ke tanah
yang berdebu itu
seperti dia*

(A. Latiff Mohidin, 1986: 8)

Pengertian literal dalam puisi ini sukar diamati kerana banyak perlambangan yang digunakan oleh pengarang. Perkara ini dapat dilihat apabila Tagore cuba mengkritik individu yang melampau ketika beragama. Kritikan ini dinyatakan melalui frasa “di mana pembuat jalan memukul batu” membawa maksud seorang petani yang ikhlas sedang mencari rezeki sehingga sanggup menempuh cuaca hujan dan panas. Dengan kata lain, pengarang cuba menonjolkan sifat keikhlasan diri ketika melakukan sesuatu pekerjaan kerana sifat ini adalah satu proses penyucian jiwa. Dengan jiwa yang suci, perjalanan kerohanian seorang hamba untuk bertemu Tuhannya akan menjadi lebih mudah. Misalnya, frasa “tanggalkan pakaian sucimu” ditafsirkan sebagai tukarlah pakaian sembahyang kamu selepas beribadat dan pergilah bekerja. Makna kerohanian ini menurut pandangan pengarang, urusan kehidupan di dunia dan di akhirat perlulah seimbang. Jika dilihat dari perspektif agama Islam dalam riwayat Imam Bukhari ada menyebut “berlaku luruslah, lakukanlah yang sederhana, pergilah di waktu pagi, juga di waktu petang serta bahagian di waktu malam. Berbuatlah sederhana, tentu engkau semua akan sampai pula pada tujuannya” (Zahiri, 2016). Natijahnya, rangkap ini mendapati bahawa pemikiran Tagore mempunyai sedikit persamaan dengan agama Islam kerana

Tagore sendiri berpegang kuat terhadap ajaran agama Hindu yang asal “Nirguna Brahman” iaitu Tuhan yang tidak mempunyai rupa bentuk.

Setelah ikrar dan pujian pengarang terhadap Tuhannya dengan panjatan lagu, perjalanan “aku” dalam puisi ini diteruskan dengan usahanya untuk mencari Tuhan. Fasa pencarian Tuhan menimbulkan persoalan besar dalam perbincangan ini kerana Tagore sendiri mempercayai bahawa Tuhan itu tidak boleh dikesan melalui lima pancaindera manusia. Justeru, bagaimanakah cara untuk “aku” mencari dan berjumpa dengan Tuhannya? Inilah unsur mistik yang menjadi misteri dalam puisi ini kerana ia merupakan satu alam yang tinggi yang susah untuk difahami secara literal. Perkara ini turut disebut oleh Md. Salleh Yaapar (1989: 42) yang mengatakan bahawa hal ini seperti dalam minda Melayu yang dimanifestasikan oleh sastera dilihat sebagai berasal daripada Alam Tinggi dan kerana itu berkedudukan paling pusat, aksial dan mulia di dunia ini. Maka “aku” dalam puisi ini cuba mencari Tuhan yang dia sendiri tidak nampak rupa bentuknya menerusi bait-bait rangkap di bawah.

*aku hidup
dalam harapan
agar bertemu
dengannya
tetapi kini
belum lagi sampai
waktunya*

(A. Latiff Mohidin, 1986: 10-11)

Dalam fasa ini, kita dapati Tagore selaku pengarang menggunakan simbol “aku” dalam rangkap di atas untuk menggambarkan keinginannya ketika mencari Tuhan. Hal ini dapat diteliti melalui frasa “dalam harapan agar bertemu dengannya” menunjukkan bahawa pengarang memendam perasaan yang mendalam agar ia dapat bertemu dengan Tuhan. Dengan kata lain, “aku” yang ingin bertemu Tuhan adalah untuk mencari ketenangan jiwa walaupun “aku” belum berjaya menemui-Nya. Keadaan ini memperlihatkan pengarang masih tercari-cari Tuhannya namun dia sedar bahawa penemuan itu belum tiba. Dalam Brahmanisme terdapat dua elemen penting tentang pengertian hubungan antara hamba dengan Tuhan. Pertama, “Brahman” iaitu Tuhan dan kedua “Atman” iaitu jiwa atau ego. Merujuk kepada kedua-dua elemen tersebut didapati bahawa “aku” masih mencari Tuhan melalui roh atau jiwanya. Perhubungan antara “Atman” dengan “Brahman” ini adalah proses mujarad iaitu tidak nampak secara konkrit. Berdasarkan tafsiran hermeneutika hubungan antara hamba dengan Tuhannya adalah melalui jiwa iaitu secara kerohanian. Md. Salleh Yaapar (2002: 72) menyatakan bahawa aspek ini berhubungan langsung dengan suatu ontologi atau ilmu tentang wujud. Maka dengan itu, “Atman” merujuk kepada jiwa, jika “aku” memiliki sifat ego maka perjalanan untuk bertemu dengan Tuhan adalah sukar, sebaliknya jika “aku” mempunyai jiwa yang suci maka proses pencarian untuk bersatu dengan Tuhan menjadi lebih mudah. Oleh sebab itu, proses yoga melalui panjatan lagu dalam puisi ini merupakan cara pengarang berikrar, bermunajat, memuji, dan memikirkan tentang kewujudan dan kekuasaan Tuhannya.

Dalam pengembaraan untuk mencari Tuhannya, pengarang dalam puisi ini menempuh pelbagai ujian dan rintangan. Perjalanan “aku” untuk bertemu dengan Tuhan tergendala kerana “aku” berada dalam keadaan lalai. Kesan daripada itu, “aku” mulai resah sekiranya peluang untuk bertemu dengan-Nya menemui kegagalan dan situasi ini dapat dilihat dalam rangkap di bawah.

*dia datang
lalu duduk di sisiku
tapi aku masih tidur
-tidur yang celaka
o aku yang alang!*

*dia datang
di waktu malam senyap sepi
dengan kecap tangannya*

*mimpiku menjadi indah
oleh irama gentanya*

(A. Latiff Mohidin, 1986: 19)

Rangkap di atas memaparkan sewaktu “aku” berada dalam keadaan kelalaian, Tuhan datang menemuinya. Perkataan “dia” merujuk kepada Tuhan yang datang “lalu duduk di sisiku” menggambarkan bahawa jarak di antara “aku” dengan “dia” amat dekat. Malangnya “aku” pada waktu itu tidak menyedari kehadiran “dia” seperti mana frasa “tidur yang celaka”. Frasa ini jelas menunjukkan kelalaian “aku” berpunca daripada gangguan “Atman” sehingga dia berada dalam keadaan tidak fokus. “Aku” kecewa kerana melepaskan peluang untuk bertemu dengan Tuhan namun “aku” tetap terus berusaha untuk bertemu dengan-Nya. Nyata di sini bahawa seorang hamba berusaha mencari Tuhannya bukan secara zahir tetapi secara batin dengan merasai bahawa “Atman” itu dapat melihat “Brahman” dengan mata hatinya. Peristiwa kejiwaan dan ekspresi simbolik seperti yang dijelaskan ini tidak mudah difahami oleh sembarangan pentafsir atau pengkritik kerana peristiwa ini berasaskan visi Tagore atau pengalaman kerohanian yang dihayati secara peribadi dalam konteks tradisi agama Hindu oleh seorang pengarang yang telah menyucikan jiwanya.

Fasa 2: Pertemuan dengan Tuhan

Pada bahagian pertengahan puisi *Gitanjali* ini, pengarang menceritakan pertemuan antara hamba dengan Tuhan. Pengarang memerihalkan perasaannya yang menghairahkan melalui “aku” yang berjaya bertemu dengan Tuhannya. Dengan kata lain, “aku” mendapat kebahagiaan sejati dalam penyatuan ini dan ia dapat dirasai melalui rangkap di bawah.

*akhirnya
di kala aku bangun dari tidur
di kala aku membuka mata
kulihat engkau
berdiri di sisiku
tidurku engkau banjiri
dengan senyummu
aku yang mulanya menyangka
jalan itu panjang
dan payah
betapa beratnya
perjuangan untuk sampai
kepadamu!*

(A. Latiff Mohidin, 1986: 38)

“Aku” dalam rangkap di atas akhirnya berjaya bertemu dengan Tuhan dan hal ini dapat dilihat apabila “aku” berasa amat ghairah dan teruja. Tafsiran hermeneutika dan teori interpretasi mengenai frasa “di kala aku bangun dari tidur” dapat ditafsirkan sebagai “aku” yang akhirnya berjaya keluar daripada kelalaian. Jika khalayak pembaca memahaminya dari sudut literal maka pembaca akan membayangkan “aku” itu berada di atas katil yang baru bangun dari tidur. Hakikatnya, simbol “tidur” melambangkan kelalaian seorang hamba ketika bermunajat dalam erti kata yang lain “Atman” seseorang itu tidak dapat menumpukan sepenuh fikirannya secara mendalam. Dari segi kosmologi, tafsiran ini menyarankan bahawa realiti yang dilalui pengarang ialah realiti yang bertingkat-tingkat yang terdiri daripada peringkat alam kerohanian, alam kejiwaan dan alam deriaan (Ali Ahmad et. al, 2005: 79). Situasi inilah yang sedang dialami oleh “aku” ketika dia bertemu dengan Tuhannya.

Seterusnya, frasa “di kala aku membuka mata” melambangkan “aku” yang sudah sedar bahawa “Atman” sedang menghampiri “Brahman.” Begitu juga dengan kosa kata “kulihat engkau” melambangkan “aku” melihat Tuhan melalui jiwanya. Situasi ini sukar untuk dibicarakan tetapi operasinya sangat bergantung pada aspek intuitif akal (Md. Salleh Yaapar, 2002: 73). Perkara yang lebih dahsyat lagi apabila frasa “berdiri di sisiku” menggambarkan Tuhan sudah berada di tepi “aku” sedangkan fahaman Tagore adalah Tuhan

yang tidak mempunyai rupa bentuk. Pandangan “aku” terhadap Tuhan ini pada hakikatnya bersifat mistik kerana penglihatan bukan pandangan manusia yang melihat melalui mata tetapi melalui jiwa murni hasil bermunajat kepada Tuhan. Dengan kata lain, kosmos atau alam fizikal kini tidak lagi ditanggapi oleh pancaindera (Md. Salleh Yaapar, 2002: 76).

Bait berikutnya dalam rangkap di atas menggambarkan proses pertemuan antara Tuhan dengan hambanya dapat dihayati melalui frasa “aku yang mulanya menyangka jalan itu panjang dan payah” membuktikan bahawa proses mendekatkan diri dengan Tuhan adalah mudah namun ia perlu disertai dengan jiwa yang suci. Pengarang tidak menyangka bahawa dia akhirnya berjaya bertemu dengan Tuhan walaupun perjalanannya untuk sampai ke tahap ini adalah jauh. Hal ini dikatakan demikian kerana “aku” menempuh pelbagai rintangan sehingga berasa sukar untuk sampai ke tahap ini seperti mana kosa kata “dan payah” dan kosa kata “betapa beratnya”. Jelas dilihat bahawa pengarang sangat kreatif menggunakan simbol untuk mengajak khalayak pembaca supaya memikir dan menghayati perjalanannya bertemu dengan Tuhan dalam puisi *Gitanjali* ini. Hal ini turut diakui oleh (Nasr, 1981: 263-264) yang mengatakan bahawa proses kreatif terkait erat dengan usaha-usaha penyucian diri para penulisnya dan amalan-amalan harian lainnya yang berhubungan dengan realisasi kerohanian ajaran-ajaran metafizikal tersebut.

Fasa 3: Penyatuan dengan Tuhan

Dalam fasa ini, pengarang menceritakan pengalaman dirinya bersatu dengan Tuhan. Dengan kata lain, “aku” mula meresap masuk ke dalam diri Tuhan apabila “aku” menyerahkan segala jiwa raga terhadap Sang Pencipta. Penyerahan ini adalah usaha Tagore untuk menikmati betapa bahagianya apabila bertemu dan bersatu dengan Tuhan. Seperti “aku” yang ikhlas dan berpegang teguh dengan prinsip agama Brahmanisme telah mengecapi kebahagiaan kerana prinsip agamanya mempunyai sedikit persamaan dengan agama Islam yang mengatakan bahawa untuk mencari kebahagiaan dan sakinah, insan bukan sekadar berilmu, tetapi hendaklah mengikhhlaskan diri kepada Allah, menyerah dan bergantung kepadanya (Mohd Asri Zainul Abidin, 2011). Situasi penyatuan antara hamba dengan Tuhannya ini dapat dihayati dalam rangkap yang terpapar di bawah.

*dia yang selalu tinggal
dalam lubuk diriku
di samar cahaya dan kilatan
dia yang tak pernah membukakan
kain tudungnya
di sinar matahari pagi*

(A. Latiff Mohidin, 1986: 56)

Pengarang dapat merasakan betapa indahnya mengharapakan cinta Rabbani yang abadi dalam pengembaraan spiritual yang dialaminya. Pengembaraan itu telah sampai kemuncak apabila pengarang menyerahkan segala jiwa raganya kepada Tuhan. Misalnya, frasa “dia yang selalu tinggal dalam lubuk diriku” memberi makna bahawa Tuhan itu sentiasa berada di dalam dirinya. Diri pengarang itu mengikut tafsiran hermeneutika dan teori interpretasi adalah “Atman” yang telah bersatu dengan “Brahman”. Pengarang ingin menarik kembali perhatian khalayak pembaca bahawa penyatuan diri dengan Tuhan tidak akan berlaku sekiranya seorang hamba berada dalam keadaan kelalaian. Seperti frasa “di samar cahaya dan kilatan” bermaksud jika seseorang itu tidak bersungguh-sungguh mencari Tuhannya maka dia tidak akan menemui-Nya walaupun berada dalam keadaan terang. Misalnya, simbol “samar cahaya” dan simbol “kilatan” membawa erti kehadiran Tuhan yang datang ke dalam jiwa manusia dengan begitu pantas. Dalam proses interiorisasi inilah khayal atau imaginasi arketipal pengarang, yakni daya kreatif hati, mentransformasikan unsur-unsur dunia inderawi menjadi rangkaian simbol (Md. Salleh Yaapar, 2002: 76).

Sebaliknya, pengarang merasai kehadiran Tuhan itu ke dalam dirinya seperti mana yang terdapat dalam frasa “dia yang tak pernah membukakan kain tudungnya”. Frasa ini bermaksud Tuhan tidak pernah menjelmakan atau menonjolkan wajahnya kepada seorang hamba tetapi jiwa pengarang itu merasai kehadiran-Nya yang tidak dapat dirasai oleh orang lain. Begitu juga dengan frasa “di sinar matahari pagi”

melambangkan seseorang itu telah mendapat cahaya kebahagiaan apabila dirinya telah bersatu dengan Tuhan. Konsep fahaman pengarang dalam puisi *Gitanjali* ini menunjukkan bahawa jika hati manusia itu ikhlas maka dia akan memperoleh ketenangan hidup. Mengikut prinsip hermeneutika yang dinyatakan dalam teori interpretasi, makna setiap bait dalam puisi ini perlu ditafsir iaitu “mendedahkan perkara yang tersembunyi.”

Maka, untuk mencari kebahagiaan dan sakinah, insan bukan sekadar berilmu tetapi hendaklah mengikhlaskan diri kepada Allah, menyerah dan bergantung kepada-Nya, apabila jiwa bersih dari sebarang unsur syirik, apabila ditanggalkan dari nurani ini kebebasan dan pergantungan kepada makhluk, ditempatkan hakikat tawakal kepada Allah, apabila insan sentiasa berdoa, rintihan, harapan, rayuan, esakan dan tangisan kepada Allah, dilontar jauh segala pengharapan jiwa kepada selain-Nya. Maka insan itu akan menemui hakikat kenikmatan hidup.

(Mohd Asri Zainul Abidin, 2011)

Pernyataan di atas menceritakan bagaimana seorang muslim dalam Islam mencari sakinah iaitu kebahagiaan dan ketenangan. Justeru seorang hamba itu mampu memperoleh kebahagiaan apabila hatinya ikhlas dalam mengingat Tuhan. Namun Tagore dalam puisi ini mengekspersikan jiwanya telah memperoleh kebahagiaan apabila dia dapat bertemu dengan Tuhan. Perkara ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa konsep pengembaraan pengarang dalam puisi ini hampir sama dengan agama Islam kerana seorang mukmin yang dahagakan kebahagiaan juga perlu ikhlas dan bersungguh-sungguh dalam menyerahkan jiwa dan raganya kepada Allah.

Fasa 4: Perpisahan dengan Tuhan

Pada bahagian akhir puisi *Gitanjali* ini, Tagore merakamkan pengalaman kerohaniannya ketika beliau berpisah dengan Tuhan. Tagore memerihalkan kesedihannya yang timbul melalui “aku” apabila pertemuan hakiki berakhir iaitu “Atman” dan “Brahman” mula berpisah. Kesedihan ini jelas kelihatan apabila “aku” dalam puisi ini sedar bahawa setiap manusia akan kembali ke alam baka iaitu alam akhirat. Fasa perpisahan antara hamba dengan Tuhannya mengingatkan khalayak pembaca tentang kematian seperti mana yang terpapar dalam bait-bait puisi di bawah:

*tiba aku diambang baka
tempat segala tak dapat menghilang –
tiada harapan
tiada kebahagiaan
tiada pula gambaran muka
yang dilihat dari air mata*

(A. Latiff Mohidin, 1986: 72)

Berdasarkan petikan puisi di atas, Tagore cuba menyuntik perasaan pembaca dengan menonjolkan unsur kematian melalui pengalamannya berpisah dengan Tuhan. Perpisahan ini mengarah kepada hubungan yang lebih abadi di alam baka. Mengikut teori interpretasi, kosa kata “diambang baka” dalam rangkap di atas boleh ditafsirkan sebagai peristiwa kematian. Bagi mencapai makna tersebut, manusia disarankan untuk sentiasa mengingat Tuhannya. Hal ini dapat dihayati lagi menerusi frasa “tempat segala tak dapat menghilang –” boleh ditafsirkan sebagai roh orang mati yang berpindah ke alam baka iaitu tempat manusia kekal abadi. Hakikatnya, kematian “aku” sebagai satu hambatan kepada pengembaraan kerana beliau telah kehilangan kebahagiaan serta pengharapan seperti imej “tiada harapan” melambangkan “aku” tidak mempunyai harapan untuk bertemu dengan Tuhan lagi. Dengan kata lain, harapan yang diinginkan telah tercapai dengan mengenal Tuhan melalui pengembaraan mistik yang dialaminya. Jelas bahawa tafsiran imej memberikan kita kunci untuk memahami makna yang terdapat dalam bait-bait puisi di atas. Seperti pendapat Lalita Sinha (2008) menerusi teori interpretasi mengatakan bahawa, *interpretation of the image furnishes us with a key for comprehending the works.*

Tagore mengingatkan betapa pentingnya hubungan antara manusia dengan Tuhan. Hal ini jelas dapat dilihat apabila kematian “aku” mengkonkritkan konsep pertemuan dan perpisahan melalui jalan yang baik. Jika buruk sikap manusia, kebahagiaannya di alam baka tidak dapat dikecapi seperti mana frasa “tiada kebahagiaan” yang dimaknai dengan kelalaian dan kegagalan dalam perhubungan Tuhan. Begitu juga dengan frasa “tiada pula gambaran muka” dapat ditafsirkan bahawa manusia tidak dapat melihat wajah Tuhan di akhirat sekiranya banyak melakukan dosa ketika berada di dunia. Kesan daripada itu, manusia akan terseksa seperti mana frasa “yang dilihat dari air mata” dapat dimaknai mengikut teori interpretasi dengan menonjolkan penderitaan dan tangisan manusia setelah mereka mati. Natijahnya, Tagore mengingatkan kepada pembaca bahawa kematian adalah satu kemestian yang mesti ditempuhi oleh manusia. Pada akhir pengembaraan itu barulah Tagore sedar dan mengerti bahawa wujud mereka satu dengan wujud “Brahman” yang dicari bahawa “Atman” tidak lain daripada Tuhan itu sendiri.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini mentafsir makna kerohanian antara hubungan manusia dengan Tuhan menerusi puisi *Gitanjali*. Puisi ini dianggap mistik kerana “aku” seorang manusia biasa boleh bertemu dan bersatu dengan Tuhan. Pertemuan antara hamba dengan Tuhannya ini adalah dengan berlandaskan jiwa “Atman” iaitu sifat kerohanian pengarang bukannya pertemuan secara fizikal. Puisi ini juga memperincikan setiap satu bait-bait dengan perkataan-perkataan yang indah dan simbolik. Lirik-lirik tersebut kelihatan seperti rumput-rampai dan purun yang tumbuh di bumi. Puisi ini menunjukkan suatu tradisi di mana syair dan agama tidak ada bezanya, setelah dikumpul segala kiasan dan ibarat serta emosi daripada yang arif dan yang dungu, lalu dikembalikan semula pemikiran yang bijaksana dan mulia itu kepada rakyat jelata (A. Latiff Mohidin, 1986: viii). Tagore sudah cukup berpuas hati kerana dapat menemui semangatnya lalu menyerahkan jiwa raganya kepada kespontanan semangat itu sendiri (A. Latiff Mohidin, 1986: xi).

Oleh itu, bagi dunia beliau adalah pembawa suara kebudayaan spiritual India, sedangkan bagi India Tagore adalah sebuah legenda fenomenal. Ketika Dewa Kematian menjemputnya pada tahun 1941, beliau meninggalkan ribuan puisi, puluhan drama, roman, cerita pendek, lukisan, serta syair-syair lagu. Semua ini diwariskan bukan hanya untuk India semata-mata, tetapi juga untuk dunia. Itulah sosok Rabindranath Tagore, sebuah potret kehidupan yang dalam dan padat, bagai puisi itu sendiri (T. Thyryhaya Zein Sinar, 2003: 213). Tagore menjadikan puisi ini sebagai wadah untuk merakamkan pengalaman kerohaniannya yang sukar dikisahkan dalam bahasa yang biasa. Tagore telah menghasilkan puisi yang merakamkan pengalaman kerohaniannya dalam karyanya yang terkenal, iaitu *Gitanjali*. Di sini puisi dan agama tidak dapat dibezakan. Membaca dan menghayati bait-bait puisi *Gitanjali* menyebabkan pembacanya dapat merasai apa yang cuba disampaikan oleh Tagore tentang keheningan, kenikmatan rohani dan kekudusan cinta kepada Tuhan serta adanya kudus yang tidak terjangkau oleh deria biasa (Sohaimi Abdul Aziz, 2014: 7).

PENGHARGAAN

Setinggi penghargaan ditujukan kepada penyelia, rakan penyelidik, dan institusi pengajian atas sokongan serta bimbingan. Terima kasih kepada Profesor Dato’ Seri Dr. Md Salleh Yaapar (mantan Profesor Bahagian Kesusasteraan, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia) kerana membantu saya untuk menghasilkan makalah ini sewaktu Kursus HKB 507/4 Karya Terpilih Pemenang Hadiah Nobel Dalam Kesusasteraan. Segala sokongan, bantuan ilmiah amat dihargai dalam merealisasikan penulisan makalah peradaban Melayu ini.

RUJUKAN

- A. Preminger & T.V.F. Brogan, eds. (1993). *Hermeneutics*. In *The New Princeton Encyclopedia of Poetry and Poetics*. New Jersey: Princeton University Press.
- Ali Ahmad, Siti Hajar Che Man & Jelani Harun. (2005). *Tasawwur Islam dalam Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Bablu Ray. (2022). A Stylistic Analysis of Tagore's Gitanjali. *Language in India*, 22(5), 54-65.
- Dian Rahmani Putri. (2016). Studi Pandangan Dunia dalam Karya Rabindranath Tagore, The Post Office. *Jurnal Ilmu Bahasa*, 2(1), 110-126.
- Dian Rahmani Putri. (2017). Eksistensi Diri dan Pencipta dalam Puisi *Gitanjali* Rabindranath Tagore: Kajian Semiotik Riffaterre. *Soshum Jurnal Sosial dan Humaniora*, 7(1), 105-117.
- Kamus Dewan Edisi Ketiga. (2000). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Krishna Kripalani. (1962). *Rabindranath Tagore A Biography*. London: Oxford University Press.
- Lalita Sinha. (2008). *Unveiling the Garden of Love: Mystical Symbolism in Layla Majnun & Gita Govinda*. Bloomington, Indiana: World Wisdom, Inc.
- Md. Salleh Yaapar. (1989). Minda Melayu dalam Cerita-cerita Melayu Tradisional. *Dewan Sastera* (Disember): 41-43.
- Md. Salleh Yaapar. (2002). *Ziarah ke Timur*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhd Asri Zainul Abidin. (2011). Minda Tajdid. *Di Manakah Hendak Dicari Ketenangan Hakiki?* Retrived from drmaza.com/home/?p=1407.
- Nasr, Seyyed Hossein. (1981). *Knowledge and the Sacred*. New York: Crossroad.
- Rabindranath Tagore. (1986). *Gitanjali*. (Terj.). A. Latiff Mohidin. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Rany Varghese. (2020). Rabindranath Tagore's Gitanjali: An Ecocritical Study. *The Creative Launcher*, 5(3), 247-256.
- Reeta Dutta Gupta. (2015). *Rabindranath Tagore The Poet Sublime*. New Delhi: Rupa Publications India Pvt.
- Richard E. Palmer. (1969). *Hermeneutics*. Evanston: Northwestern University Press.
- Sohaimi Abdul Aziz. (2014). *Dahsyatnya Kesusasteraan Memerihalkan Kehidupan*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- T. Thyrahaya Zein Sinar. (2003). Pancaran Filosofis Rabindranath Tagore dan Hinduisme pada Sanusi Pane: Satu Pendekatan Genetik. *Studia Kultura Jurnal Ilmiah Ilmu Budaya*, 2(3), 211-228.
- Zahiri. (2016). Bersederhana dalam Beribadah: Hadis 144 dan 145. *Dakwah dan Pendidikan Sunnah Online Berteraskan Al-Quran dan Hadith*. Retrived from <https://www.uito.org/2016/08/14/bersederhana-dalam-beribadah-hadith-144-dan-145/>